



MOHD. AMIRUL HAKEEM ROZMI (kiri) yang memperoleh 5A dalam UPSR menenangkan rakan baiknya yang gagal mendapat 5A di SK Tunku Azizah, Indera Mahkota, Kuantan semalam.



HANIS AZEMI (tengah) yang mendapat 5A menunjukkan laporan *Kosmo!* yang memaparkan penglibatannya dalam sukan luncur air kepada ibunya, Hartini Abd. Halim (kiri) dan guru besar, Nik Nab Sulaiman di SK Taman Tun Dr. Ismail (1), Kuala Lumpur semalam.

48,327 calon UPSR cemerlang A

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN
kurizduan.kurahman@kosmo.com.my

PUTRAJAYA – Seramai 48,327 daripada 482,334 calon yang menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun ini memperoleh gred A dalam semua mata pelajaran.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abdul Ghafar Mahmud (**gambar**) berkata, keputusan tersebut merupakan pencapaian terbaik dalam tempoh empat tahun mengikut Gred Purata Nasional (GPN), iaitu indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara.

Kata beliau, pencapaian



UPSR pada kali ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10.02 peratus berbanding 9.51 peratus pada tahun lalu dan calon mendapat minimum gred C menurun sebanyak 1.37 pe-

ratus berbanding 2009.

“Peratusan calon di bawah tahap pencapaian minimum iaitu gred D dan E turut berkurangan daripada 3.99 peratus kepada 3.39 peratus,” katanya ketika membentangkan keputusan UPSR 2010 di sini semalam.

Abdul Ghafar memberitahu, matlamat merapatkan jurang pencapaian calon bandar dan luar bandar juga dilihat semakin baik apabila nilai GPN berjaya dirapatkan sebanyak 0.04.

Peningkatan itu, jelas beliau, merapatkan jurang pencapaian calon cemerlang antara bandar iaitu 0.01 dan luar bandar sebanyak 0.05 yang dilihat secara keseluruhan melalui nilai GPN yang mengecil.

Kata Abdul Ghafar, bilangan calon istimewa bertambah sebanyak 184 murid dan terdapat peningkatan 1.97 peratus bagi calon mendapat pencapaian baik.

Tambah beliau, peratusan calon yang memperoleh gred A bagi mata pelajaran Matematik dan Sains di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) juga meningkat iaitu masing-masing 1.9 peratus dan 1.7 peratus.

Jelas beliau, prestasi mata pelajaran bahasa Inggeris di SK dan SJK mencatatkan peningkatan pada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) iaitu masing-masing sebanyak 2.74 dan 2.69 pada tahun ini.

Info keputusan UPSR 2010

- Jumlah calon 482,334
- 48,327 calon dapat semua A
- Keputusan meningkat kepada 10.02% berbanding tahun lalu 9.51%
- Terbaik dalam tempoh empat tahun mengikut Gred Purata Nasional (GPN)
- Calon dapat C turun 1.37%
- Peratusan calon dapat gred A bagi subjek Matematik dan Sains bagi Sekolah Kebangsaan meningkat 1.9%